

PPDNKK anjur aktiviti dedah ilmu kepenggunaan

SERDANG – Mengambil kira pentingnya pendedahan dan hubungan erat dalam kalangan masyarakat setempat, Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) Cawangan Kajang telah menganjurkan Larian Pengguna sempena Sambutan Bulan Pengguna Negeri Selangor.

Pengarah PPDNKK Negeri, Zainun Salleh berkata, program seumpama ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada peserta akan ilmu-ilmu kepenggunaan di samping mempromosi gaya hidup sihat.

Menurutnya, hubungan yang erat dan kerjasama dalam kalangan masyarakat setempat diperlukan dalam usaha kita bersama mempromosikan gaya hidup sihat di samping menerapkan aspek-aspek ber-

kaitan hak pengguna.

“Program berkenaan menarik minat masyarakat setempat dari pelbagai lapisan dan telah diadakan di Bukit Ekspo Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Gerakan Pengguna Daerah Hulu Langat.

“Kita mengharapkan program seumpama ini memberi manfaat kepada penduduk setempat khususnya peserta yang memberikan sokongan penuh terhadap pengurusan seumpama ini dan kita berhasrat menjadikannya acara tahunan,” katanya.

Mengulas mengenai program berkenaan, seramai 150 orang peserta terdiri daripada murid-murid sekolah menengah di sekitar daerah Kajang, pelajar-pelajar UPM dan penduduk-penduduk di sekitar ka-



■ Sebahagian peserta terdiri daripada masyarakat setempat menyertai Larian Pengguna sempena Sambutan Bulan Pengguna Negeri Selangor 2010 yang diadakan di Bukit Ekspo Universiti Putra Malaysia , Serdang.

wasan Kajang telah menyertainya.

“Pelbagai aktiviti diadakan pada program berkenaan antaranya larian sejauh tiga kilometer melalui tiga hentian iaitu hentia parmeran, ceramah ringkas dan hentian kuiz di

mana peserta perlu menjawab soalan kuiz berkaitan KPDKKK.

“Penyampaian Geran Kelab Pengguna Sekolah-sekolah Daerah Hulu Langat kepada lima buah sekolah yang baru sahaja menubuh-

kan Kelab Pengguna Sekolah masing-masing turut diadakan dan diharap ia dapat membantu pihak pengurusan Kelab Pengguna Sekolah menjalankan aktiviti berkaitan dengan kepenggunaan,” katanya.